



SIARAN AKHBAR

WAKTU OPERASI BAGI BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK SEMASA FASA ENDEMIK COVID-19

1. Pada Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pengisytiharan Fasa Endemik Negara Brunei Darussalam di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 bermula pada hari Rabu, 10 Jamadilawal 1443H bersamaan dengan 15 Disember 2021M, waktu operasi Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) adalah seperti berikut:

Waktu Pejabat	Mesin Deposit Wang Syiling BDCB	Galeri Mata Wang dan Gift Shop (melalui perjanjian sahaja)	Kaunter Perkhidmatan Biro Kredit, Isu Pengguna Kewangan & Baki Wang Yang Tidak Dituntut (melalui perjanjian sahaja)
Isnin - Khamis: 7.45 pagi – 12.15 tengah hari 1.30 petang – 5.30 petang	Isnin - Khamis: 8.00 pagi – 11.00 pagi 2.00 petang – 4.00 petang	Isnin - Khamis: 8.30 pagi – 11.30 pagi 2.00 petang – 4.30 petang	Isnin - Khamis: 8.00 pagi – 11.30 pagi 2.00 petang – 4.30 petang
Jumaat: 8.00 pagi – 11.30 pagi 2.30 petang – 4.30 petang	Jumaat: 8.30 pagi – 10.00 pagi Tutup di sebelah petang	Jumaat: 8.30 pagi – 11.00 pagi Tutup di sebelah petang <i>*Nota: Sila hubungi 8372186 untuk membuat perjanjian</i>	Jumaat: 8.15 pagi – 11.00 pagi Tutup di sebelah petang <i>*Nota: Sila hubungi 7372369 untuk membuat perjanjian</i>

2. Kesihatan dan keselamatan orang ramai serta warga BDCB, adalah sangat penting bagi kami. Oleh yang demikian, perkhidmatan-perkhidmatan BDCB akan mengambilkira langkah-langkah berjaga-jaga, selaras dengan prosedur-prosedur operasi standard (SOPs) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Dalam hubungan ini, beberapa garis panduan seperti di bawah perlulah dipatuhi:
- Walk-in* tidak diterima;
 - Pemeriksaan suhu badan akan dijalankan;
 - Hanya mereka yang mempunyai Kod BruHealth Hijau dan Kuning akan dibenarkan masuk;
 - Mengimbas kod QR melalui aplikasi BruHealth;
 - Pengesahan status vaksinasi yang lengkap perlu ditunjukkan dan perlu disokong dengan kad pengenalan/ passport; dan
 - Mereka yang belum mendapatkan vaksinasi, atau yang baru menerima 1 dos vaksinasi hanya dibenarkan masuk dengan memberikan Keputusan Pensijilan ART yang negatif dari Pusat Pensijilan ART yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.
3. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi kami melalui taian 8318388 atau emel info@bdcg.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 8 Jamadilawal 1443/ 13 Disember 2021

Ruj: BDCB/COMMS/3